

Penyampai : Y.BHG. TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN  
Tajuk : MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM SEMPERA PROGRAM PERTUKARAN LAWATAN  
PEGAWAI-PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA-BRUNEI DARUSSALAM  
Lokasi : BRUNEI DARUSSALAM  
Tarikh : 06-10-2002

Yang Mulia Dato' Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam,

Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato',

Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam dan Malaysia,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya dihormati sekalian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh dan salam sejahtera.

1. Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wataala kerana di atas limpah izin serta perkenanNya kita dapat berkumpul bersama-sama dalam majlis yang indah pada malam ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan rasa syukur dan bertuah kerana sejak dua hari yang lalu, saya dan ahli-ahli rombongan anggota Perkhidmatan Awam Malaysia, telah dapat bersama dengan rakan-rakan dari Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam dalam program pertukaran lawatan pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Malaysia-Brunei kali kelima ini. Saya bagi pihak anggota-anggota rombongan dari Malaysia juga ingin merakamkan penghargaan di atas layanan mesra dan segala kemudahan serta bantuan yang telah diberikan kepada kami. Program dan aturcara yang dilaksanakan dengan teratur serta penuh kemesraan oleh tuan rumah Brunei Darussalam kepada program tahunan ini mencerminkan ketinggian budi dan keakraban yang telah terjalin di antara kita.
3. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang baru sahaja menyambut Hari Perkhidmatan Awamnya yang ke-9 pada 30 September yang lalu.

Yang Mulia Dato' Hazair, dan saudara-saudari sekalian,

4. Peranan dan tanggungjawab Perkhidmatan Awam sebagai penggerak utama di dalam usaha-usaha pembangunan negara adalah satu kenyataan yang kita semua sedar. Tugas kita untuk mencapai matlamat dan cita-cita negara kini menjadi semakin mencabar. Era globalisasi dan era kemajuan teknologi memerlukan kita melakukan anjakan minda yang bersesuaian. Kita lebih memerlukan tindakan-tindakan secara bersama dan menyeluruh dan tidak secara bersendirian dan terpencil.

Bagi Malaysia dan Brunei Darussalam, yang mempunyai banyak persamaan dari segi sejarah dan budaya, di samping berada di satu rantau yang sama, perkhidmatan awam kita perlu bergerak seiring.

5. Dalam hal ini, Program Pertukaran Lawatan Tahunan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Malaysia dan Negara Brunei Darussalam ini adalah amat bermanfaat kepada perkhidmatan awam kedua-dua buah negara. Sebagai dua buah negara berjiran yang mempunyai hubungan yang amat erat di pelbagai peringkat, sudah tentu hubungan mesra dan rapat yang terjalin melalui program seperti ini akan dapat mengukuhkan lagi kerjasama antara pelbagai agensi Kerajaan dari kedua-dua buah negara. Melalui program seperti ini juga, pegawai-pegawai perkhidmatan awam kedua-dua buah negara dapat saling berkenalan secara informal dan mesra. Adalah diharapkan pegawai-pegawai perkhidmatan awam Malaysia dan Negara Brunei Darussalam akan terus menggunakan peluang semasa program ini untuk berinteraksi dan "networking" sesama kita bagi meningkatkan kerjasama dan seterusnya memajukan lagi hubungan dua-hala Malaysia Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato' dan saudara-saudari sekalian,

6. Malaysia dan Negara Brunei Darussalam mempunyai asas hubungan yang amat kukuh yang telah terjalin sekian lama. Atas dasar ini, para pegawai perkhidmatan awam haruslah mencari jalan untuk mengeratkan lagi hubungan kerjasama yang sedia ada. Dalam hal ini pertadbiran Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah mengambil pelbagai inisiatif untuk menjalinkan hubungan yang lebih erat dan meluas dengan pelbagai agensi Kerajaan kedua-dua negara. Inisiatif Kerajaan Brunei untuk menjalin hubungan seperti ini dengan perkhidmatan awam di Negeri Sabah dan Sarawak adalah amat dialu-alukan. Contohnya, Sukan Tahunan antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sabah dan Sarawak dengan Jabatan Bomba Negara Brunei Darussalam merupakan suatu usaha yang amat bermanfaat dalam rangka kerjasama pelbagai agensi jabatan Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

7. Adalah menjadi harapan Malaysia supaya hubungan erat yang sedia terjalin akan terus diperluaskan dan diperkukuhkan lagi. Di dalam konteks ini, saya ingin menyarankan agar generasi muda kedua-dua negara digalakkan untuk berinteraksi dengan lebih giat lagi.

Generasi muda ini yang akan mewarisi kepimpinan pentadbiran Kerajaan Malaysia dan Brunei perlu disediakan platform yang sesuai untuk mengeratkan interaksi sesama mereka. Mungkin para pegawai perkhidmatan pendidikan Malaysia dan Brunei perlu merancang dan terus melaksanakan program pertukaran belia dan pelajar sekolah sebagai satu aktiviti tahunan. Saya yakin bahawa program pertukaran seperti ini akan mengukuhkan hubungan barisan pelapis pemimpin di kedua-dua buah negara yang akan dipermudahkan oleh persamaan bahasa dan adat resam yang ada di Malaysia dan Brunei.

8. Perkembangan dan kesejahteraan ekonomi kedua-dua buah negara adalah saling bergantung dan boleh dipertingkatkan lagi. Di dalam hubungan ini, pegawai-pegawai perkhidmatan awam Malaysia dan Brunei haruslah bersama berikhtiar mencari jalan untuk menggalakkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan antara sektor swasta kedua-dua buah negara. Saya penuh yakin bahawa potensi dan ruang untuk peningkatan kerjasama ekonomi ini sentiasa ada, dan sebagai perancang dan pelaksana pelbagai dasar Kerajaan, para pegawai perkhidmatan awam harus terus berusaha ke arah memajukan kerjasama ekonomi negara dan serantau.

Yang Mulia Dato', saudara-saudari sekalian,

9. Pemimpin-pemimpin kedua-dua negara dengan kebijaksanaan visi jauh mereka, telahpun memulakan Perundingan Tahunan di peringkat tertinggi sejak tahun 1998. InsyaAllah, Perdana Menteri Malaysia, YAB. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, akan berkunjung ke Brunei pada hari Jumaat ini dalam rangka Perundingan Tahunan ini bagi tahun 2002. Semoga ianya akan dapat melakar petunjuk seterusnya bagi kita meningkatkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala.

Yang Mulia Dato', saudara-saudari sekalian,

10. Akhir kata, saya sekali lagi, mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Mulia Dato' Hazair serta semua pegawai-pegawai perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam yang telah mengatur dan melaksanakan program pada tahun ini dengan jayanya. Kepada pemenang-pemenang pertandingan sukan yang diadakan sepanjang program ini, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah, dan kepada yang tidak berjaya, tahun depan masih ada. Tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Mulia Datin Hajjah Rosnah yang sudi menerima dan menghoskan pelbagai program untuk para isteri pegawai-pegawai perkhidmatan awam Malaysia sepanjang lawatan ini. Kami akan pulang dengan membawa pelbagai kenangan manis dari Brunei. Selanjutnya kami mengalu-alukan kedatangan Yang Mulia Dato' dan pegawai-pegawai perkhidmatan awam Brunei serta pasangan masing-masing ke Kuala Lumpur pada tahun hadapan. Insya Allah, kami akan cuba membalas budi dan layanan baik yang telah diberikan kepada kami.

Hendak belayar di Teluk Betung, Sambil mencuba melabuh pukut, Bulat air kerana pembentung, Bulat manusia kerana muafakat.

Kuning emas masakny padi, Mawar merah dalam jambangan, Terima kasih daun keladi, Budi tuan jadi kenangan.

Akar keladi melilit selasih, Selasih tumbuh di hujung taman, Kalungan budi junjungan kasih, Mesra kenangan sepanjang zaman.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.